



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1993

BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE*

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan menetapkan kelayakan Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* bagi pegawai kerajaan yang dikehendaki hadir di majlis rasmi dan disyaratkan memakai pakaian *Black Tie*.

LATAR BELAKANG

2. Adalah didapati bahawa pada masa ini sering terdapat majlis-majlis rasmi yang menetapkan pemakaian *Black Tie*. Pakaian *Black Tie* adalah merupakan pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam. Pakaian ini tidak termasuk dalam pakaian rasmi yang melayakkan dibayar Bayaran Pakaian Istiadat berdasarkan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1989](#). Kerajaan telah mengkaji keperluan pemakaian pakaian *Black Tie* dan bersetuju supaya

pegawai yang disyaratkan memakainya berkelayakan diberi bantuan pembayaran. Komponen pakaian *Black Tie* adalah seperti di [Lampiran A1](#). Contoh-contoh pakaian *Black Tie* adalah seperti di [Lampiran "B"](#).

KELAYAKAN BANTUAN BAYARAN PAKAIAN BLACK TIE

3. Pegawai kerajaan yang dikehendaki hadir di majlis rasmi dan disyaratkan memakai *Black Tie* berkelayakan menuntut bantuan bayaran berdasarkan harga resit tertakluk kepada had maksimum RM500.00 untuk tempoh 3 tahun sekali. Tuntutan bayaran balik bantuan tersebut hendaklah disertakan dengan resit dan surat jemputan yang mensyaratkan pemakaian *Black Tie*.

4. Pegawai wanita juga adalah layak menuntut Bantuan Bayaran Balik harga pakaian yang dibuat bagi tujuan menghadiri majlis yang menghendaki memakai *Black Tie* dengan syarat-syarat yang sama seperti disebutkan di perenggan 3 di atas. Pakaian pegawai wanita yang sesuai adalah seperti yang dinyatakan di [Lampiran "A2"](#).

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1993.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Jabatan Perkhidmatan Awam,

Malaysia

21 Mei 1993

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k:

Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengarah Badan-badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

Komponen Pakaian *Black Tie* *


Bil.	Pakaian	Warna	Lain-lain Keterangan
1.	Jaket	Hitam	- berlapel satin atau sutera
2.	Seluar Panjang	Hitam	- berjalur hitam berkilat di kiri kanan
3.	Kemeja	Putih	- "dress shirt with wing or normal collar"
4.	Bengkong	Hitam	- dari kain sutera hitam
5.	Bow	Hitam	- dasi kupu-kupu (bow-tie)

* Pakaian ini dikenali juga sebagai Dinner Jacket atau Tuxedo.


Pakaian Untuk Wanita

1. Baju Kurung Berselendang.
2. Baju Kebaya Berselendang.
3. Pakaian Petang (Evening Dress).

LAMPIRAN "B1"



LAMPIRAN "B2"



LAMPIRAN "B3"



LAMPIRAN "B4"

